

**DAP gesa SPRM siasat kenyataan harta warisan Najib**  
**The Malaysian Insider**  
**March 3, 2015**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu menyiasat kenyataan Pejabat Perdana Menteri mengaitkan perbelanjaan Datuk Seri Najib Razak termasuk aktiviti membeli-belah jutaan ringgit isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor hasil daripada harta warisan, kata Lim Kit Siang.

Ketua Parlimen DAP itu berkata siasatan perlu dilakukan selepas kenyataan Najib di akhbar semalam tidak menyebut mengenai harta peninggalan alahyarham bapanya Tun Abdul Razak Hussein.

"Apa maksud 'isi mana-mana peti simpanan seperti yang ada didakwa' seperti yang dirujuk kenyataan Pejabat Perdana Menteri, dan mendakwa hal tersebut bukan aneh bagi kedudukan, tanggungjawab dan aset warisan keluarga perdana menteri?"

"Bolehkah SPRM melancarkan siasatan penuh ke atas Najib atau adakah SPRM harus terlebih dulu mendapatkan lampu hijau daripada Najib sendiri?" katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Awal bulan lalu, akhbar New York Times memetik kenyataan Pejabat Perdana Menteri yang mendakwa wang yang dibelanjakan ketika melancong, membeli barang kemas, mahupun isi mana-mana peti simpanan seperti yang didakwa bukanlah sesuatu yang janggal bagi kedudukan, tanggungjawab dan aset warisan keluarga perdana menteri.

Kenyataan Pejabat Perdana Menteri itu mengundang rasa kurang senang adik-adik Najib yang mendakwa bapa mereka seorang yang berintegriti dan berjimat cermat.

Mereka berkata kenyataan atau andaian yang bertentangan adalah palsu sama sekali dan boleh menimbulkan kekeliruan terhadap kenangan, khidmat dan pengorbanan Razak kepada negara.

Lim berkata pengalamannya sebagai ahli Parlimen ketika era pemerintahan Tun Razak membuktikan perdana menteri kedua itu seorang yang berjimat cermat dan berintegriti tinggi.

Katanya, reputasi berjimat cermat dan integriti Tun Razak dimuatkan dalam sebuah koleksi esei istimewa, yang dikumpulkan Yayasan Tun Razak berjudul "Tun Abdul Razak - A Personal Portrait " pada 2005.

"Tan Sri Abdullah Ahmad, yang merupakan setiausaha politik Tun Razak dan seorang yang amat dipercayainya, menulis Tun Razak 'meninggal dunia sebagai seorang yang agak miskin kerana beliau tidak tewas kepada godaan wang ringgit'," katanya memetik kandungan buku berkenaan.

Semalam, Najib melalui kenyataannya yang disiarkan akhbar arus perdana

menyokong kenyataan bersama 4 adiknya yang menyifatkan bapa mereka sebagai seorang pemimpin yang berjimat cermat dan berintegriti.

Katanya, sepanjang hayat Tun Razak dikenali sebagai seorang tokoh negarawan yang berprinsip tinggi dan penuh dengan sifat kesederhanaan.

"Sepanjang perkhidmatan dalam kerajaan, Tun Razak tidak pernah terlibat dengan apa-apa amalan rasuah dan salah guna kuasa.

"Beliau sentiasa meletakkan kepentingan negara jauh mengatasi kepentingan peribadi hingga jasanya kepada negara menjadi memori umum bagi rakyat.

"Sejak mula terlibat dalam perjuangan politik sehinggalah memegang tampuk pemerintahan negara, Tun Razak diketahui mengamalkan gaya hidup sederhana dan berjimat cermat," katanya. – 3 Mac, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-gesa-sprm-siasat-kenyataan-harta-warisan-najib>